

MISI JELAJAH ANTARTIKA OKTOBER

Oleh Helmi Hamzah
helmi@hmetro.com.my

SELEPAS kejayaan Abdul Malik Mydin menyeberangi Selat Inggeris, tiga lagi rakyat Malaysia bakal melakarkan sejarah apabila memulakan Ekspedisi Jelajah Antartika selama 120 hari bermula 15 Oktober ini.

Mereka yang terbabit dengan jelajah itu, Dr M Kamaruddin Md Isa yang juga ketua program berkenaan manakala dua lagi peserta ialah Suhardi Alias, Pakar Pemakanan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Pensyarah Psikologi, Sukan dan Motivasi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Sharifah Mazlina SA Kadir.

Jelajah Antartika itu akan membabitkan perjalanan se-

jauh 3,800 kilometer turut akan digunakan untuk menjalankan kajian mengenai kawasan persekitaran sepanjang ekspedisi itu.

Dr M Kamaruddin berkata, ekspedisi itu diadakan adalah cetusan ideanya yang diperolehi ketika mengadakan ekspedisi The Millennium Jump 2000 di Patriot Hill, Antartika.

"Pasukan ini sudahpun menjalankan latihan untuk menghadapi cabaran di Antartika bermula 2001 untuk memastikan perjalanan di ekspedisi itu nanti berjalan lancar.

"Selain persediaan daripada segi fizikal dan kecergasan, peralatan lain termasuk pemakanan yang sesuai dan peralatan komunikasi yang diperlukan turut akan dibawa bersama," katanya.



RASMI...Dekan Fakulti Sains Sukan & Rekreasi UiTM, Prof Madya Dr Muhd Kamil Ibrahim (dua dari kanan) melancarkan logo Cabaran Jelajah Benua Antartika 2003 sambil diperhatikan Dr M Kamaruddin (kiri sekali) serta Suhardi dan Sharifah Mazlina di MSN petang semalam.

Menurutnya, perbelanjaan keseluruhan yang diperlukan untuk ekspedisi berkenaan memakan belanja RM1 juta termasuk bayaran kepada penganjur di Antartika berjumlah RM151,520 seorang.

"Pada masa ini perbelanjaan yang diperlukan masih belum mencukupi tetapi usaha untuk mendapatkan lebih ramai penaja bagi memastikan ekspedisi ini berjalan lancar sedang dijalankan.

"Kita berharap lebih ramai penganjur dapat membantu kami untuk memberi sokongan dalam usaha untuk menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dn Mahathir Mohamad," katanya.

Tambahnya lagi, ekspedisi itu diadakan pada bulan Oktober kerana jatuh pada musim panas di Antartika dan ia sesuai untuk ekspedisi yang bakal memakan masa selama 120 hari.

**MERDEKA MILLENNIUM
ENDURANCE**

SEPANG CIRCUIT, 29-30 AUGUST 2003

TALIAN TIKET:
603-8526 2222
www.malaysiangp.com.my